

E-BULETIN KKLIU

*Penerbitan Rasmi oleh Lembaga Iklan Ubat,
Kementerian Kesihatan Malaysia*



MESYUARAT LIU BIL. 1/2025

Berlangsung pada 6 Mac 2025 di Bilik Gerakan, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr.Muhammad Radzi bin Abu Hassan selaku pengerusi yang diperuntukkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-peraturan Lembaga Iklan Ubat 1976. Edisi buletin kali ini menyampaikan beberapa maklumat terkini seperti kemaskini polisi dan garis panduan terkini, persaraan ahli-ahli LIU dan aktiviti-aktiviti yang telah diadakan dari Januari 2025-Mac 2025

DALAM EDISI INI

Panduan Baharu	2
Pindaan & Kemaskini Polisi Lembaga Iklan Ubat	3
Pindaan dan Kemaskini Garis Panduan Kelulusan	
Pengiklanan Produk Ubat Berdaftar	4
Penghargaan bagi Ahli LIU yang telah bersara	5
Aktiviti LIU (Jan - Mac 2025)	6



IKLAN TANPA KELULUSAN LIU ??? KETAHUI GARIS PANDUAN BAHARU ANDA!

Suara anda didengari!--Kami mendengar permintaan industri untuk panduan yang lebih jelas dan mudah difahami berkaitan pengiklanan produk ubat berdaftar dan perkhidmatan kesihatan yang tidak memerlukan kelulusan LIU.

Sebagai respons, dua panduan penting telah berjaya dihasilkan oleh Sekretariat Lembaga Iklan Ubat (LIU):

PERKHIDMATAN KESIHATAN

**PANDUAN
TUNTUTAN
PENGIKLANAN
KEMAHIRAN ATAU
PERKHIDMATAN
YANG DIBENARKAN
TANPA KELULUSAN
LEMBAGA IKLAN UBAT**



www.pharmacy.moh.gov.my



E-BOOK LIU

PRODUK UBAT BERDAFTAR

**PANDUAN
TUNTUTAN
PENGIKLANAN PRODUK
UBAT BERDAFTAR
YANG DIBENARKAN
TANPA KELULUSAN
LEMBAGA IKLAN UBAT**



www.pharmacy.moh.gov.my



E-BOOK LIU

Panduan ringkas ini disediakan sebagai rujukan kepada pihak industri farmaseutikal dan fasiliti kesihatan bagi mengenal pasti jenis-jenis iklan yang **tidak memerlukan kelulusan LIU**, sekaligus memudahkan perancangan bahan promosi yang mematuhi peraturan sedia ada.

Untuk akses kepada Garis Panduan terkini, sila layari:

www.pharmacy.moh.gov.my

PINDAAN & KEMASKINI POLISI LIU



Produk

Produk semula jadi dengan tuntutan terapeutik (nombor pendaftaran MAL dengan kod produk B) kini telah disenaraikan sebagai salah satu kategori produk yang tidak dibenarkan untuk pengiklanan, seiring dengan Racun Kumpulan B dan Racun Kumpulan C di bawah Akta Racun 1952.

Baharu

MAB 1/2025

Prohibited Products for Advertising

Advertising to general public is **NOT PERMITTED** for the following product categories:

- Group B Poison under Poison Act 1952
- Group C Poison under Poison Act 1952
- Natural Products with Therapeutic Claim (MAL registration number with suffix B)**

Kemaskini



1 Perkhidmatan

Pengiklanan maklumat *Corporate Social Responsibilities (CSR)* atau bantuan khas daripada kerajaan kini dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

MAB 3/2023 (amended MAB 1/2025)

Advertisement of Corporate Social Responsibilities (CSR)/ Government Special Aid

CSR Programs and likewise other charity campaigns organized by private hospitals, clinics or medical laboratories are **NOT ALLOWED** to be advertised or promoted for marketing purposes.

However, special aid programs initiated by the government (e.g. PEKA B40) are allowed to be advertised and must display the following statement:

"This program is initiated by Malaysia government."

Kemaskini



2 Perkhidmatan

Pemaparan wajah pesakit atau doktor menggunakan model kini dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

MAB 12/2027 (amended MAB 3/2011, MAB 1/2025)
Use of celebrity in advertisement

MAB does not allow any advertisement which uses
i. Patients receiving treatment
ii. Professionals (Doctors, Dentists, Pharmacists)

However, advertisements featuring healthcare providers and patients portrayed by models or actors and actresses are permitted. These advertisements must display the following statement;

"The image/video shown is for illustrative purposes only. It does not represent an actual medical event, procedure, or interaction between a healthcare professional and a patient"

The use of a celebrity in an advertisement may be allowed upon the discretion of the MAB on a case by case basis where celebrity includes:

- Local/International celebrity
- Local/International athlete
- Local/International model

Such advertisements should not, whether directly or by implication, mislead the consumer about the services advertised.

GARIS PANDUAN KELULUSAN PENGIKLANAN PRODUK UBAT BERDAFTAR

Kemaskini

PERENGKAN 2.5 PRODUK YANG BOLEH DIIKLANKAN

2.5.1 Pengiklanan kepada orang awam hanya dibenarkan bagi produk yang mempunyai nombor pendaftaran MAL dengan kod produk:

- X - Bukan Racun Berjadual (Over the Counter Medicine (OTC) product)
- T - Ubat tradisional
- N - Suplemen kesihatan
- M - Produk semulajadi dengan tuntutan moden
(Natural Products with Modern Claim)

Kemaskini

PERENGKAN 2.9 KELULUSAN FORMAT IKLAN

2.9.3 Format iklan yang telah diluluskan hendaklah menepati kriteria berikut semasa penyiaran iklan tersebut
v. Semua maklumat dan tulisan dalam format iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca. Saiz tulisan bagi maklumat indikasi produk hendaklah lebih besar atau menonjol berbanding saiz tulisan bagi maklumat-maklumat lain dalam format serta tidak boleh mengelirukan indikasi produk sebenar.

PENGHARGAAN BUAT AHLI-AHLI LIU YANG TELAH BERSARA

Lembaga Iklan Ubat merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBrs. Puan Norhaliza Binti A Halim dan Dr. Mohamed Iqbal Bin Hamzah atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai ahli ex-officio Lembaga Iklan Ubat.



YBrs. Puan Norhaliza Binti A Halim,
Timbalan Ketua Pengarah
Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
(Tarikh akhir perkhidmatan : 4 April 2025)



Dr. Mohamed Iqbal Bin Hamzah,
Pengarah Bahagian Amalan
Perubatan
(Tarikh akhir perkhidmatan : 6 Mac 2025)

Selamat Bersara!

***Bunga kemboja putih berseri,
Putihnya melur diujung dahan,
Atas kerjasama dan bantuan yang diberi,
Puji syukur dan terima kasih kami ucapkan.***



AKTIVITI-AKTIVITI LEMBAGA IKLAN UBAT SEPANJANG JANUARI HINGGA MAC 2025

13 Januari 2025

Satu mesyuarat telah diadakan di antara Bahagian Penguatkuasaan Farmasi dengan Jawatankuasa Etika, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bagi membincangkan isu-isu serta cabaran dalam pengiklanan perkhidmatan kesihatan.



23 Januari 2025

Satu seminar telah disampaikan oleh sekretariat LIU, Pn. Nur Syafinaz kepada Direct Selling Association of Malaysia di Eastin Hotel, Petaling Jaya tentang garis panduan pengiklanan produk ubat berdaftar.

25 Februari 2025

Satu taklimat telah disampaikan oleh sekretariat LIU, En. Mohd Hafizuddin di *Malaysian Dietary Supplement Association (MADSA) Regulatory Conference*, Dorsett Grand Subang tentang permohonan kelulusan iklan serta garis panduan pengiklanan produk ubat berdaftar.



26-28 Februari 2025

Kursus Pemantapan Penilaian Kandungan Tuntutan Perubatan Pada Iklan Produk Ubat Berdaftar 2025 telah berjaya diadakan di Colmar Tropicale, Berjaya Hills. Kursus ini bertujuan untuk menyeragamkan tuntutan yang diluluskan oleh NPRA pada label dan indikasi dengan tuntutan perubatan dalam iklan produk ubat berdaftar, bagi memastikan tiada percanggahan maklumat antara NPRA dan LIU dalam iklan yang boleh mengelirukan pengguna.

21 Mac 2025

Satu Latihan Sangkutan dan Sesi Perbincangan antara LIU dan Big Caring Group, di Caring Pharmacy Head Office telah diadakan untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai garis panduan terbaru berkaitan pengiklanan ubat serta pematuhan kepada peraturan sedia ada.



LEMBAGA IKLAN UBAT
03-78413200 / liu@moh.gov.my
www.pharmacy.gov.my

Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, PJS 13,
46200 Petaling Jaya, Selangor.

